

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 8 DISEMBER 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 37

## Ekonomi dijangka berkembang 4.2%

# Ekonomi dijangka berkembang 4.2%

**KUALA LUMPUR** – Firma penyelidikan pasaran, MIDF Research menjangkakan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia akan terus berkembang pada kadar 4.2 peratus pada 2023 daripada lapan peratus tahun ini, dalam persekitaran ekonomi global yang lebih perlahan.

Pertumbuhan ekonomi global pula diunjurkan pada kadar 2.7 peratus, berbanding 3.2 peratus tahun ini, dihambat pertumbuhan perlahan ekonomi negara maju.



IMRAM YASSIN

Pasaran ekonomi yang pesat membangun pula dijangka menjadi penyumbang utama ke arah pertumbuhan global apabila aktiviti ekonomi domestik terus pulih selepas pandemik, walaupun perdagangan antarabangsa mungkin terjejas disebabkan jangkaan permintaan akhir yang lemah dan pelarasan dalam aktiviti pengeluaran global.

Pengarah / Ketua Penyelidik MIDF Research, Imram Yassin Md. Yusof berkata, ekonomi Malaysia dilihat terus berdaya tahan pada tahun depan, disokong permintaan domestik meskipun faktor luaran dijangka terus memberi impak kepada perdagangan luar.

"Impak daripada faktor luaran akan berkurangan tahun depan, manakala permintaan domestik pula diunjurkan terus kukuh disokong kadar pengangguran yang rendah, bantuan kerajaan serta prestasi lebih baik daripada sektor korporat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar berhubung Unjuran Pasaran



PERMINTAAN domestik menyokong pertumbuhan negara pada tahun depan. – GAMBAR HIASAN

2023 yang diadakan di sini semalam.

Menurut MIDF Research, harga komoditi dijangka kekal tinggi tahun depan dengan minyak mentah Brent dijangka diniagakan pada paras AS\$96 (RM423) setong, manakala minyak sawit mentah pada RM3,500 seton.

Inflasi negara pula dijangka menyederhana kepada 2.3 peratus, disokong pengukuhan ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat kepada RM4.23 pada penghujung 2023.

Sementara itu, Bank Negara Malaysia dijangka menaikkan kadar semalaman sebanyak 25

mata asas untuk kali kelima berturut-turut pada Januari depan, sebelum kadar tiga peratus dikekalkan untuk keseluruhan 2023.

Petunjuk utama Bursa Malaysia, FBM KLCI pula dijangka mengukuh pada 1,700 mata pada hujung 2023.